

03 MAR 1998

BONUS AKAN DIBAYAR SELAGI KERAJAAN MAMPU MELAKUKANNYA, KATA PM

PETALING JAYA, 3 Mac (Bernama) -- Baki bonus kakitangan awam yang dijadualkan pada April ini akan dibayar selagi kerajaan mampu berbuat demikian, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Tetapi jika kerajaan tidak mampu, bagaimana (kita) hendak membayarnya," tanyanya.

"Ia adalah satu kesilapan bagi sesetengah pihak yang menganggap bonus adalah satu hak," katanya. "Bonus bukan satu hak, tetapi ia (semacam) pulangan yang berasaskan pada sumbangan kita kepada (pertubuhan ataupun syarikat) dan di mana bergantung kepada keadaan sama ada ia boleh dibayar atau tidak."

Bayaran ansuran pertama bonus telah dikeluarkan pada Disember lalu dan bakinya dijadualkan pada bulan depan.

Menjawab soalan pemberita ketika beliau melawat Institut Teknologi Kreatif Limkokwing di sini, Dr Mahathir berkata beliau akan menyerahkan kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan untuk memutuskan mengenai perkara itu.

Beliau juga ditanya sama ada, memandangkan kepada keadaan kegawatan ekonomi ketika ini, kerajaan akan menjelaskan bayaran ansuran kedua sebulan gaji kepada kakitangan kerajaan.

Dr Mahathir berkata: "Bonus bukan satu bayaran tertangguh, ia diberikan apabila kita mempunyai pendapatan yang cukup."

Beliau berkata adalah silap jika seseorang menganggap bonus adalah satu hak.

Menurut Perdana Menteri jika bonus dianggap sebagai satu hak, ia akan hanya akan menjadi satu pembayaran tertangguh.

Dalam kes seperti itu, bonus tidak lagi akan berfungsi sebagai insentif, katanya.

Ketika membentangkan belanjawan tahun ini pada Oktober lalu, Anwar mengumumkan bonus sebulan atau pembayaran minimum RM700 kepada semua kakitangan awam kecuali bagi kumpulan pengurusan teratas daripada pegawai kumpulan gred C dan ke atas.

Ia adalah kali kelima kerajaan memberikan bonus kepada kakitangan awam termasuk polis dan anggota tentera, sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Kali pertama kerajaan memberikan bonus adalah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat bonus setengah bulan gaji atau minimum RM400.

Tahun berikutnya dan 1995, kuantum adalah masing-masing sebulan gaji atau minimum RM600.

Sekali lagi kerajaan memberikan bonus sebulan gaji atau minimum RM700 kepada kumpulan berpendapatan rendah iaitu pada 1996. -- BERNAMA

AFY ZK MA